



PEKERJA menjemur keropok keping di bawah sinaran matahari Kampung Pachakan, Pasir Puteh. Gambar kanan, Mat Hassan mengangkat keropok yang sudah kering.

Pengusaha keropok, ikan kering tingkat pengeluaran sebelum monsun

HM 01/11/23 M/S 21

Pasir Puteh: Menghampiri fasa peralihan Monsun Timur Laut (MTL) bermula pertengahan bulan ini, pengusaha keropok dan ikan kering di daerah ini semakin meningkat pengeluaran mereka.

Pengusaha, Mat Hassan Mat Ali, 62, berkata, ketika MTL bekalan mentah utama iaitu ikan akan berkurangan menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bekalan dari luar Kelantan dan Terengganu.

“Apabila tiba MTL maka bekalan ikan seperti dari Tok Bali dan Kuala Besut, Terengganu akan berkurangan.

“Jadi kita ambil kesempatan cuaca baik dan bekalan ikan yang masih banyak ketika ini, untuk meningkatkan pengeluaran keropok,” katanya ketika ditemui di



Kita masih boleh menghasilkan keropok dalam tempoh MTL kerana ada bekalan dari negeri lain, tetapi tidak dapat buat dalam skala besar”

Mat Hassan Mat Ali

Kampung Pachakan, di sini.

Mat Hassan berkata, dia dibantu hampir 10 pekerja mampu menghasilkan kira-kira 300 hingga 400 kilogram pelbagai jenis keropok keping setiap hari, namun jumlah itu akan berkurangan dengan mendadak dalam tempoh MTL.

Menurutnya, sekiranya bekalan ikan dari Kelantan

dan Terengganu terputus, pengusaha masih boleh mendapatkan bahan mentah itu dari negeri lain seperti Kedah, Pulau Pinang dan Johor.

“Kita masih boleh menghasilkan keropok dalam tempoh MTL kerana ada bekalan dari negeri lain, tetapi tidak dapat buat dalam skala besar, nak jemur pun tidak boleh, kita cuma boleh keringkan keropok di dalam bilik khas yang disediakan,” katanya.

Pengusaha ikan kering, Muhammad Luqman Mohd Nor, 20-an, berkata, cuaca panas ketika ini membolehkannya menjemur ikan kering secara terbuka, dengan menggunakan kaedah tradisional.

“Saya dapatkan bekalan seperti ikan tamban dan gelama dari Tok Bali dan

Kuala Besut, tetapi sewaktu MTL bekalan ikan tiada kerana nelayan tidak ke laut.

“Bekalan ikan akan diambil dari negeri lain, namun pengeluaran tidak dapat dilakukan secara besar-besaran kerana faktor cuaca, kita cuma boleh jemur di dalam pemanas sahaja,” katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sebelum ini menjangkakan empat hingga enam episod hujan lebat melanda negara bermula bulan depan hingga Februari 2024, yang berpotensi mengakibatkan banjir di kawasan berisiko.

Pada tempoh itu, hujan lebat diramal berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang bermula November hingga Disember, sebelum beralih ke Johor dan Sarawak.